

16/09/2001

Malaysia lepasi sasaran 80 emas

MALAYSIA menepati sasaran 80 pingat emas pada hari kelapan kancan saingan Sukan Sea XXI-Kuala Lumpur 2001 dan sekali gus berazam untuk muncul juara keseluruhan kali ini.

Angka keramat itu tercatat kira-kira jam 4 petang, semalam apabila jaguh perahu layar negara, Kevin Lim Leong Keat muncul juara acara laser lelaki di Port Dickson.

Pencapaian atlit muda itu menjadikan jumlah 13 emas berjaya dikutip oleh kontinjen negara hingga lewat malam tadi dan banyak lagi dijangka mampu diperolehi atlit kita, hari ini apabila 56 lagi emas menjadi pertarungan daripada pelbagai acara.

Kedudukan itu membantu kita menghimpun keseluruhan 86 emas, 63 perak dan 82 gangsa tapi terpaksa melepaskan kedudukan selaku pendahulu kepada Thailand yang mengutip 87-72-83.

Thailand berjaya memintas tuan rumah apabila pasukan bola sepak lelaki mereka memenangi emas selepas menewaskan Malaysia 1-0 dalam perlawanan akhir di Stadium Shah Alam, malam tadi.

Indonesia masih di tempat ketiga dengan 62-60-72, diikuti Filipina (27-56-58), Vietnam (26-29-60), Singapura (21-28-38), Myanmar (17-13-50), Laos (1-2-7), Kemboja (1-1-5) dan Brunei (0-1-6).

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula berharap kejayaan Malaysia semalam mencapai sasaran 80 emas akan terus mendorong atlit negara menambah pungutan pingat untuk muncul juara keseluruhan.

Beliau juga berkata akan menimbang mengisytiharkan cuti umum berikutan kejayaan mencapai sasaran itu.

"Saya bersyukur dan gembira kerana sasaran telah dicapai," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Kompleks Akuatik Negara, Bukit Jalil, semalam.

Malaysia belum pernah menjadi juara keseluruhan Sukan Sea sejak ia bermula pada 1959.

Dr Mahathir sempat menyaksikan acara gimnastik dan akuatik ketika melakukan lawatan sekitar Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil.

Ketika ditanya sama ada beliau akan mengisytiharkan cuti umum berikutan kejayaan Malaysia mencapai sasaran 80 emas, Perdana Menteri berkata: "Saya kena fikir."

Sambil itu, di Seremban, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishamuddin Tun Hussein berkata matlamat kontinjen Malaysia adalah untuk muncul juara keseluruhan selepas berjaya melepasi angka 80.

"Apa yang kita dapat ini adalah bonus dan pesaing terdekat kita adalah Thailand. Pastikan kita mendapat lebih banyak emas daripada Thailand dan ini semua bergantung kepada atlit kita," katanya.

(END)